

01 NOV 1999

Parlimen-Bahas

DAP RAMAL PILIHAN RAYA LEPAS AIDILFITRI

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang meramalkan bahawa pilihan raya umum ke-10 akan diadakan pada minggu ketiga Januari 2000 iaitu selepas Hari Raya Puasa.

Lim (DAP-Tanjong) berkata pilihan raya tidak akan diadakan selepas Januari kerana Barisan Nasional (BN) tidak ingin menggunakan senarai pemilih terbaru yang mengandungi tambahan 650,000 pengundi, kebanyakannya terdiri daripada golongan muda.

"Saya berpendapat bahawa Parlimen tidak akan dibubarkan bulan ini kerana (Perdana Menteri Datuk Seri Dr) Mahathir (Mohamad) memerlukan lebih masa untuk memastikan bahawa beliau akan mengekalkan majoriti dua pertiga dalam pilihan raya akan datang," katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Mengulas mengenai pengakuan bekas penolong gabenor Bank Negara Datuk Abdul Murad Khalid berhubung penglibatannya dalam pembayaran lebih RM120 juta kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim serta individu dan organisasi yang ada hubungan dengan bekas timbalan perdana menteri itu, Lim berkata satu siasatan dan audit bebas perlu dijalankan ke atas Bank Negara, sama seperti yang dilakukan ke atas Bank Bali, Indonesia.

Katanya siasatan itu penting memandangkan integriti Bank Negara terjejas berikutan pengakuan Abdul Murad bahawa beliau terlibat dalam kegiatan salah itu dalam tempoh lama tanpa disedari orang lain dalam Bank Negara.

"(Pengakuan Abdul Murad) ini mengimplicasikan bahawa sesetengah pegawai Bank Negara mungkin melaksanakan dasar-dasar yang menjejaskan kepentingan negara," katanya.

Beliau turut mencadangkan penubuhan satu Pasukan Petugas Khas bagi mengkaji dan membuat cadangan dalam tempoh tiga bulan mengenai penggabungan bank serta sektor perkhidmatan kewangan di negara ini.

Lim berkata rujukan tugas pasukan petugas khas itu harus meliputi bidang-bidang seperti sumbangan sektor perkhidmatan kewangan kepada pengwujudan peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi, persaingan antarabangsa dalam era globalisasi, keupayaan sektor itu menggunakan kesempatan kemajuan teknologi baru dan sumbangan sektor itu kepada pengguna.

Beliau mencadangkan supaya Menteri Kewangan menimbang semula langkah-langkah kawalan modal dan mengambil tindakan menghapuskannya secara berperingkat-peringkat.

Lim juga mencadangkan supaya peruntukan sebanyak RM1 bilion diberikan kepada 60 buah sekolah menengah persendirian Cina dan 1,200 SRK Cina untuk tempoh lima tahun akan datang sebagai pengiktirafan di atas sumbangan sekolah-sekolah itu terhadap pembangunan negara.

Lim berkata peruntukan itu perlu memandangkan kebanyakan sekolah Cina menghadapi masalah kekurangan bilik darjah sedangkan jumlah pelajarinya semakin bertambah.

Seorang lagi pemimpin pembangkang, Abdul Hadi Awang (Pas-Marang) pula mencadangkan agar kerajaan mengkaji semula dasar penswastaaan yang dianggapnya sebagai menindas golongan berpendapatan rendah.

Kata beliau, dasar berkenaan yang kebanyakannya melibatkan keperluan rakyat hanya menguntungkan kroni-kroni pemimpin parti pemerintah.

"Pengkorporatan institusi pendidikan tinggi misalnya menyusahkan pelajar terutama daripada golongan miskin kerana walaupun kerajaan ada

menyediakan pinjaman ia sukar untuk diperolehi," katanya.

Abdul Hadi juga meminta kerajaan menumpukan lebih perhatian kepada usaha-usaha untuk membanteras gejala sosial di kalangan muda-mudi yang semakin menjadi-jadi.

Datuk Dr Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin) berkata kerajaan perlu membekukan akaun induk bernilai RM3 bilion yang didakwa dimiliki Anwar Ibrahim bagi membiayai aktiviti politiknya.

Kerajaan juga perlu menjalankan siasatan terhadap pihak-pihak yang disebut dalam pendedahan Abdul Murad itu.

"Ini termasuk Marina Yusof, Chandra Muzaffar, Douglas Paal, Tong Kooi Ong dan Quek Leng Chan yang didakwa memiliki Phileo Allied Bank dan Hong Leong Bank yang disebut dalam pendedahan itu.

"Sekarang baru kita tahu dari mana datangnya duit yang digunakan untuk membuat risalah, surat layang, laman web di Internet dan bayaran kepada budak sekolah untuk menjayakan reformasi dan fitnah mereka terhadap kerajaan," katanya.

Beliau turut menggesa agar siasatan dibuat ke atas kroni-kroni Anwar yang dulunya tidak mempunyai apa-apa tetapi boleh menjadi jutawan dalam sekelip mata.

Jamaluddin meminta Kementerian Kewangan menyiasat sama ada peruntukan kementerian itu kepada pertubuhan bukan kerajaan tidak disalahgunakan selama ini.

Persidangan Dewan disambung esok.

-- BERNAMA

NHA AKD